



BUKU PANDUAN DAN PERATURAN ASRAMA



*"Significant Learning"
In Natural Environment*

1.0 PENGENALAN

Kolej Ketengah merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bernaung dibawah Syarikat Ketengah Holding Sdn. Bhd (KHSB) iaitu syarikat anak Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Kolej Ketengah menyediakan pelbagai kelengkapan dan kemudahan prasarana seperti asrama kediaman yang kondusif serta sentiasa memastikan kemudahan berada dalam keadaan yang sebaik mungkin bagi keselesaan pelajar. Asrama kediaman boleh menempatkan seramai 551 orang pelajar. Pelbagai kemudahan disediakan termasuklah bilik bacaan, bilik TV, ruang dobi, surau, wakaf dan bilik rekreasi.

2.0 WAKTU PEJABAT

Ahad hingga Rabu:

8.00 pagi	sehingga	1.00 tengah hari
2.00 petang	sehingga	5.00 petang

Khamis

8.00 pagi	sehingga	3.30 petang
-----------	----------	-------------

3.0 WAKTU MELAWAT

Ahad hingga Khamis:

5.00 petang	sehingga	7.00 petang
-------------	----------	-------------

Jumaat, Sabtu dan cuti umum:

8.00 pagi	sehingga	7.00 petang
-----------	----------	-------------

4.0 ALAMAT PERHUBUNGAN

Kolej Ketengah

Jalan Sultan Sulaiman,

Bandar Al-Muktafi Billah Shah,

23400 Dungun, Terengganu.

No. Tel : (609) 8222 861

No. Hotline : (011) 6254 8080

No. Faks : (609) 8223817

Alamat surat menyurat pelajar:

<Nama penuh>

<Nombor pelajar>

<Nombor rumah/bilik>

<Nombor telefon bimbit>

Kolej Ketengah

Jalan Sultan Sulaiman,

Bandar Al-Muktafi Billah Shah,

23400 Dungun, Terengganu.

5.0 KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Senarai kemudahan yang disediakan di kolej kediaman adalah: -

- Bilik Tidur
- Bilik Air
- Bilik Mesyuarat
- Bilik Bacaan
- Bilik TV
- Rumah Tamu
- Perkhidmatan 'Wi-Fi'
- Surau
- Wakaf/ Gazebo
- Mesin Basuh

6.0 PENGGUNAAN PERALATAN ELEKTRIK

Setiap satu peralatan elektrik dikenakan bayaran RM5.00 dan maksimum lima (5) peralatan bagi setiap pelajar untuk setiap semester.

Peralatan yang DIBENARKAN adalah seperti berikut:

- Mesin Pencetak (Printer)
- Mesin Pengimbas (Scanner)
- Seterika
- Cerek Elektrik Auto
- Komputer Riba (Laptop)
- Pengecas Telefon (Charger)
- Pengecas Bateri (termasuk 'power bank')

Selain daripada peralatan yang dinyatakan di atas adalah TIDAK DIBENARKAN berada di dalam bilik asrama. Para pelajar digalakkan berkongsi peralatan-peralatan di atas. Pelajar juga TIDAK DIBENARKAN membawa 'extension wire' dan 'adaptor' /soket.

Kegagalan pelajar untuk mematuhi senarai peralatan elektrik yang dibenarkan sehingga menyebabkan kerosakan/ litar pintas terhadap kelengkapan/ perkakasan elektrik dalam rumah pelajar (akibat dari perbuatan manusia 'vandalisma'),caj pembaikan/penggantian akan dikenakan kepada pelajar.

7.0 PERATURAN ASRAMA

Secara umumnya, peraturan asrama menggariskan beberapa peraturan yang menekankan aspek kehidupan dalam masyarakat kolej secara harmoni iaitu dengan menekankan sahsiah diri, kesedaran disiplin, keselamatan dan lain-lain lagi bagi menghasilkan suasana yang kondusif dan selesa untuk pelajar dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

7.1 UMUM

- a. Penghuni asrama hendaklah mempunyai sahsiah dan keperibadian yang baik serta menghormati antara satu sama lain ketika berada didalam dan diluar asrama.
- b. Penghuni asrama hendaklah menghormati Felo, Penyelia, Pengawal Keselamatan, Biro dan semua penghuni asrama yang lain.
- c. Penempatan Pelajar di asrama:
 - Penentuan bilik, blok dan asrama bagi seseorang pelajar adalah ditentukan oleh Penyelia Asrama.
 - Penghuni asrama tidak dibenarkan pindah atau tukar ke bilik lain kecuali mendapat kebenaran/kelulusan secara bertulis daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Penyelia Asrama.
 - Penyelia Asrama boleh mengarah seseorang penghuni mengosongkan bilik/blok atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa dengan alasan yang munasabah.
 - Jika seseorang penghuni dikehendaki berpindah dan/atau mengeluarkan semua barang kepunyaannya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan.
- d. Kasut hendaklah disusun di rak kasut yang telah disediakan. Penghuni dilarang memakai kasut di dalam bilik asrama serta mana-mana ruang yang ada dinyatakan larangan tersebut.
- e. Penghuni dilarang membawa makanan tidak halal ke dalam asrama dan kawasan Kolej.
- f. Penghuni dilarang memasak di bilik asrama. Semua sisa-sisa makanan hendaklah dimasukkan dalam plastik dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan.
- g. Penghuni tidak boleh membuang sampah atau benda yang tidak mudah hancur seperti plastik, tuala wanita dan lain-lain ke dalam tandas atau saluran air atau longkang.
- h. Sebarang bentuk perjudian adalah diharamkan sama sekali.
- i. Penghuni dilarang menyimpan alat/perkakas yang tajam seperti parang panjang, keris, pedang dan lain-lain senjata merbahaya.
- j. Penghuni tidak dibenarkan membawa masuk, memiliki, menyimpan atau menggunakan apa-apa bahan lucah, racun, dadah, minuman keras dan bahan-bahan yang mudah terbakar seperti minyak petrol dan bahan kimia ke dalam bilik.
- k. Penghuni dilarang memelihara binatang peliharaan seperti kucing, anab dan sebagainya di dalam asrama dan Kolej.
- l. Penghuni dilarang merokok di dalam kawasan asrama dan kawasan Kolej.
- m. Penghuni tidak dibenarkan berada atau balik ke asrama pada waktu kuliah, bersukan atau ketika sebarang program rasmi Kolej dijalankan kecuali mendapat kebenaran daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Felo Asrama.

- n. Penghuni ditegah tidur lebih daripada seorang sekatil.
- o. Asrama adalah kawasan larangan bagi pelawat atau pelajar lelaki dan tidak dibenarkan masuk ke kawasan asrama perempuan dan sebaliknya (kecuali dengan kebenaran Bahagian Hal Ehwal Pelajar).
- p. Penghuni adalah dinasihati supaya tidak menyimpan atau memakai barang-barang berharga atau wang berlebihan di dalam asrama. Pihak Kolej tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan harta benda persendirian.
- q. Penghuni dilarang membuat bising yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni lain termasuk penggunaan alat-alat muzik. Keadaan senyap sunyi hendaklah diwujudkan di asrama pelajar di antara jam 12.00 malam – 6.00 pagi.
- r. Semua lampu bilik asrama mesti dipadamkan pada 12.00 tengah malam.
- s. Bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan. Pihak Kolej tidak bertanggungjawab atas kehilangan sebarang harta benda atau barang-barang kepunyaan penghuni.
- t. Tuala/baju/kain, tidak dibenarkan disangkut/disidai pada tingkap, katil, dinding atau membuat sidaian dalam bilik asrama dan sebagainya. Ia hendaklah disidai di tempat yang telah disediakan oleh pihak Kolej.
- u. Penghuni tidak boleh menghalang atau menahan seseorang Pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya daripada memasuki dan membuat pemeriksaan di bilik berkenaan.

7.2 PAKAIAN

- a. Penghuni-penghuni asrama hendaklah berpakaian bersih, kemas dan bersopan santun semasa berada di dalam blok dan juga kawasan asrama pada setiap masa.
- b. Semua penghuni diingatkan supaya mematuhi cara berpakaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Ketengah.

7.3 KEBERSIHAN DAN KEKEMASAN BILIK DAN KAWASAN

- a. Penghuni bertanggungjawab memelihara harta benda dan kemudahan asrama yang disediakan oleh pihak Kolej. Jika didapati ada harta benda atau kemudahan yang dikenalpasti hilang atau rosak, penghuni yang terlibat atau semua penghuni di bilik tersebut dikehendaki membayar ganti rugi atas kerosakan tersebut. Jumlah bayaran ganti rugi akan ditentukan oleh pihak Kolej.
- b. Penghuni asrama hendaklah sentiasa memastikan bilik dalam keadaan bersih dan kemas. Felo dan Biro asrama akan memeriksa setiap bilik bagi memastikan bilik kemas dan teratur.

7.4 PENGGUNAAN ALAT ELEKTRIK

- a. Pelajar dilarang membawa peralatan elektrik seperti TV, permainan video dan lain-lain kecuali seterika, cerek elektrik dan komputer. Semua peralatan elektrik ini perlu mendapat kebenaran daripada Penyelia Asrama.

7.5 TANGGUNGJAWAB TERHADAP HARTA BENDA

- a. Penghuni-penghuni asrama hendaklah menghormati dan mematuhi peraturan-peraturan asrama dan bertanggungjawab menjaga harta benda asrama, kemudahan yang disediakan dan memastikan kemudahan tersebut dalam keadaan baik sehingga tamat tempoh pengajian.
- b. Susun atur perabot dalam bilik asrama telah ditetapkan oleh Unit Pengurusan Asrama. Penghuni asrama tidak dibenarkan mengubahsuai kedudukan perabot dalam bilik/blok penginapan kecuali setelah mendapat kebenaran Unit Pengurusan Asrama.
- c. Penghuni tidak dibenarkan menampal semua jenis poster atau sebarang bahan berbentuk kertas pada dinding bilik/rumah atau memaku sebarang jenis tampalan yang boleh merosakkan dinding/cermin dengan pin, paku, gam dan kertas tampalan. Penghuni juga tidak dibenarkan membuat catatan atau menconteng di dinding, almari dan katil, bantal, tilam dan lain-lain kemudahan yang disediakan.

7.6 KENDERAAN PELAJAR

- a. Penghuni diminta meletak kenderaan masing-masing secara teratur dan mengikut peraturan lalulintas. Sebarang kenderaan yang diletak tidak mengikut peraturan akan diambil tindakan.

7.7 JUALAN DIDALAM ASRAMA

- a. Sebarang aktiviti penjualan makanan, rokok, CD dan lain-lain di dalam bangunan asrama adalah tidak dibenarkan sama sekali oleh pelajar.

8.0 KEBENARAN KELUAR MASUK KAMPUS

Tandatangan dan kebenaran keluar masuk asrama WAJIB mendapat kebenaran daripada felo asrama atau pegawai bertugas. Pelajar dikehendaki mengisi kad biru (rujuk gambar 1) bagi kebenaran keluar dan masuk pelajar. Kad ini sah digunakan sepanjang tempoh pengajian. Kegagalan mematuhi segala peraturan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Kad biru yang telah lengkap diisi (nyatakan tempat tujuan) hendaklah diserahkan Pondok Pengawal sebelum keluar dan mengambilnya semula setelah masuk ke kawasan asrama.



Bahagian Hadapan Kad Biru



Bahagian Belakang Kad Biru

9.0 PERATURAN KELUAR KAMPUS

Pelajar dikehendaki mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan bagi memohon kebenaran keluar kampus.

9.1 KELUAR KE BANDAR

- a. Pelajar dikehendaki mengikuti masa yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama untuk keluar dan masuk.
- b. Pelajar dikehendaki mendapatkan kebenaran keluar dan masuk daripada felo asrama atau pegawai bertugas.
- c. Kad kebenaran yang telah ditandatangani oleh felo asrama atau pegawai bertugas hendaklah diletakkan di pondok pengawal sebelum keluar dan perlu mengambilnya sebelum masuk ke asrama.
- d. Pelajar dikehendaki mengikuti setiap arahan dan peraturan serta menjaga nama baik kolej ketika berada di luar kampus.
- e. Pelajar dilarang mengunjungi tempat-tempat seperti dibawah.
 - Pusat permainan hiburan,
 - Semua kelab malam, bar, disko dan seumpamanya,
 - Semua tempat pelacuran, rumah urut dan seumpamanya.
- f. Sekiranya pelajar gagal mengikuti peraturan yang telah ditetapkan, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pelajar.

9.2 PULANG BERMALAM

- a. Pelajar dikehendaki mengikuti masa yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama untuk keluar dan masuk. Sekiranya pelajar pulang bermalam, pelajar dikehendaki mendaftar masuk ke kolej sebelum atau pada pukul 10.00 malam.
- b. Pelajar dikehendaki mendapatkan kebenaran keluar dan masuk daripada Pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar, felo asrama atau pegawai bertugas.
- c. Kad kebenaran yang telah ditandatangani oleh felo asrama atau pegawai bertugas hendaklah diletakkan di pondok pengawal sebelum keluar dan perlu mengambilnya sebelum masuk ke asrama.
- d. Sekiranya pelajar tidak dapat kembali ke kolej pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan, ibu bapa atau penjaga dikehendaki melaporkan kepada felo asrama atau pegawai bertugas bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.
- e. Pelajar dikehendaki mengikuti setiap arahan dan peraturan serta menjaga nama baik kolej ketika berada di luar kampus.

9.3 PULANG KECEMASAN

- a. Ibu bapa atau penjaga perlu memohon permohonan pulang bagi kes kecemasan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar, felo asrama atau pegawai bertugas.
- b. Ibu bapa atau penjaga hendaklah mengambil pelajar di asrama tetapi sekiranya tidak dapat berbuat demikian, ibu bapa atau penjaga perlu memberi surat pelepasan kepada pihak kolej bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini.
- c. Peraturan pulang bermalam pada klausa 9.2 hendaklah dipatuhi.

9.4 KELUAR MENGIKUTI PROGRAM (PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH KOLEJ)

- a. Program yang telah mendapat kelulusan daripada Kolej Ketengah.
- b. Surat pengesahan kelulusan program, kad biru peserta dan senarai nama peserta yang disahkan oleh pensyarah penasihat/pengiring hendaklah dikemukakan kepada Felo asrama.
- c. Pelajar yang mempunyai tindakan tatatertib di asrama tidak dibenarkan menyertai program.
- d. Felo asrama hanya menandatangani kebenaran pada senarai peserta sahaja tanpa menandatangani semua kad biru pelajar.
- e. Salinan senarai nama yang disertakan bersama kad biru peserta hendaklah diserahkan di pondok pengawal.
- f. Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan berdasarkan program yang disertai.
- g. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga imej dan nama baik kolej semasa mengikuti program yang disertai.
- h. Pelajar hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dan mengambil kembali kad biru sebelum masuk ke asrama.

9.5 KELUAR KE KLINIK (DI LUAR WAKTU PEJABAT)

- a. Pelajar dikehendaki melaporkan kepada felo asrama atau pegawai bertugas.
- b. Pegawai atau pemandu bertugas akan menghantar pelajar bagi mendapatkan rawatan di klinik atau hospital.

9.6 KELUAR UNTUK SOLAT JUMAAT

- a. Pelajar hendaklah mematuhi masa pergi dan balik yang telah ditetapkan bagi solat Jumaat.
- b. Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pemakaian bagi solat Jumaat.
- c. Pelajar tidak dibenarkan pergi ke tempat lain kecuali ke masjid untuk solat Jumaat.
- d. Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab semasa di masjid.
- e. Pelajar hendaklah pulang ke kolej setelah selesai solat Jumaat.

10.0 PERATURAN SEMASA MENAMATKAN PENGINAPAN SIDANG AKADEMIK

10.1 KEBERSIHAN BILIK

- a. Sila keluarkan harta benda persendirian dari bilik. Barang-barang hanya boleh disimpan di dalam stor atas risiko sendiri. Penghuni diminta untuk membuang semua sampah sarap ke dalam tong-tong sampah yang disediakan. Penghuni yang terakhir meninggalkan bilik pastikan bilik dalam keadaan bersih. Bilik-bilik yang ditinggalkan dalam keadaan kotor akan didenda.

10.2 PENYIMPANAN BARANG DI DALAM STOR

- a. Sesiapa yang ingin menyimpan barang-barang di dalam stor semasa cuti mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-
 - Telah dipilih sebagai penghuni Kolej atau asrama tersebut.
 - Pelajar yang akan menamatkan pengajian tidak dibenarkan.
 - Seorang penghuni hanya dibenarkan menyimpan sebuah beg atau sebuah kotak sahaja.
 - Barangan yang disimpan mestilah yang tidak akan digunakan semasa cuti kerana stor-stor tersebut tidak akan dibuka untuk pengambilan barang-barang semasa cuti.
 - Stor dibuka untuk penyimpanan atau pengambilan barangan seperti berikut: -
 - i. Waktu penyimpanan
Di dalam waktu pejabat sahaja semasa minggu ulangkaji hingga hari terakhir peperiksaan
 - ii. Waktu pengambilan
Di dalam waktu pejabat sepanjang minggu pertama setiap semester.

11.0 PERATURAN DI SURAU

- Pelajar hendaklah menjaga kebersihan surau dan peralatan di surau.
- Memastikan suis lampu, kipas dan pintu surau ditutup setelah selesai sembahyang atau melakukan sebarang aktiviti dalam surau.
- Surah Yassin dan kitab-kitab Al-Quran mestilah diletakkan di tempat yang sempurna.
- Pelajar dilarang membuat bising ketika berada di dalam surau.
- Pelajar tidak dibenarkan makan atau minum di dalam surau.

12.0 PERATURAN KESELAMATAN

12.1 PENGGUNAAN ELEKTRIK

- a. Sambungan elektrik secara haram tidak dibenarkan.

- b. Pastikan plug ditanggalkan dari soket setelah digunakan.
- c. Penggunaan peralatan elektrik semasa kilat adalah ditegah.
- d. Seterika elektrik boleh digunakan.
- e. Semua peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu.
- f. Menggunakan peralatan elektrik yang rosak adalah ditegah.
- g. Pastikan semua suis lampu dan kipas hendaklah dimatikan selepas digunakan.
- h. Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada pihak pengurusan asrama.

12.2 SEMASA BERLAKU KEBAKARAN

- a. Apabila berlaku kebakaran, loceng kecemasan hendaklah dibunyikan.
- b. Pelajar pertama yang menyedari kebakaran hendaklah menghubungi pihak bomba.
- c. Pelajar mestilah meninggalkan bangunan asrama dengan serta-merta.
- d. Semua suis lampu dan kipas mestilah dimatikan.
- e. Pelajar hendaklah bergerak ke tempat perhimpunan mengikut pelan kecemasan yang ditetapkan.
- f. Di tempat perhimpunan, pelajar hendaklah berbaris mengikut bilik masing-masing dan ketua bilik hendaklah menyemak dan memastikan bilangan pelajar biliknya mencukupi.
- g. Ketua bilik hendaklah melaporkan bilangan pelajar di biliknya kepada Felo Asrama.
- h. Felo Asrama hendaklah melaporkan kejadian kebakaran kepada KE/Pengurusan Kolej.
- i. Pelajar hanya dibenarkan bersurai apabila diarahkan.

12.3 KESELAMATAN WANG

- a. Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dengan baik dan selamat.
- b. Kad ATM mestilah disimpan di tempat yang selamat.
- c. Pelajar hendaklah melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera kepada pihak berkenaan.

12.4 KESELAMATAN UMUM

- a. Penggunaan ubat nyamuk lingkar, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
- b. Pelajar hendaklah mengetahui cara menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.
- c. Jika berlaku kecemasan pelajar hendaklah menghubungi Felo Asrama/Pengawal Keselamatan dengan segera.
- d. Peti pertolongan cemas boleh didapati daripada Felo Asrama/Bilik Rawatan/Pondok Pengawal.

13.0 JENIS SALAH LAKU DAN DENDA

Bahagian A

BIL	KESALAHAN	DENDAAN/TINDAKAN
1.	Pelajar menetap yang membenarkan jantina lain memasuki atau berada di dalam biliknya.	a) RM100.00 atau /dan b) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
2.	Seseorang pelajar menghalang/menahan seseorang pegawai, pekerja atau ejen Kolej daripada memasuki bilik pelajar bagi menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.	a) RM50.00
3.	Seseorang pelajar menetap berada di luar kawasan asramanya selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak penyelia asrama.	a) RM50.00
4.	Seseorang pelajar bukan menetap berada di dalam kawasan kampus antara jam 12.00 tengah malam sehingga 6.00 pagi.	a) RM50.00
5.	a) Mengotorkan, mencacatkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan pada apa-apa benda atau sebarang kelengkapan asrama. b) Mengganggu atau menyebabkan kesusahan kepada orang lain dalam menggunakan kemudahan-kemudahan di dalam asrama.	a) RM50.00 b) Dikeluarkan dari asrama sepanjang pengajian
6.	a) Menukar asrama atau bilik tanpa kebenaran. b) Menyewakan bilik kepada orang lain. c) Pelajar yang menyewa bilik daripada penghuni berdaftar	a) RM50.00 dan kembali ke bilik asal b) RM50.00 c) RM50.00
7.	Mengosong atau berpindah dari tempat tinggal yang ditetapkan oleh Kolej tanpa kebenaran daripada pihak Kolej.	a) RM50.00

Bahagian B


BIL	KESALAHAN	DENDAAN/TINDAKAN
1.	Penghuni-penghuni tidak mengeluarkan barang-barang kepunyaan sendiri dari dalam bilik.	a) Barang-barang akan dikeluarkan tetapi pihak Kolej tidak akan bertanggungjawab dengan keselamatan barangan tersebut.
2.	Merosak dan menghilangkan harta benda asrama.	a) RM50.00 b) Dikeluarkan dari asrama sepanjang pengajian.
3.	Memindahkan harta benda asrama dari tempat asalnya tanpa kebenaran Penyelia Asrama.	a) RM50.00
4.	a) Membawa masuk makanan yang tidak tahan lama/ makanan yang tidak dibenarkan. b) Menyimpan minuman keras di dalam bilik. c) Memiliki atau mengedar dadah. d) Memiliki gambar-gambar lucah, bacaan yang diharamkan atau audio visual yang diharamkan. e) Memiliki atau menggunakan bahan-bahan kimia atau ubat-ubatan yang membahayakan.	a) RM50.00 b) Kes (b) hingga (e) akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
5.	Memelihara atau menyimpan binatang di dalam kawasan asrama.	a) RM50.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari kolej kediaman sepanjang pengajian
6.	Melakukan perbuatan yang membahayakan diri seperti memanjat bumbung/tebing tingkap.	a) RM50.00
7.	Tidak memadamkan lampu atau kipas angin semasa meninggalkan bilik.	a) RM50.00
8.	Tidak menggunakan kain cadar atau sarung bantal pada setiap masa atau menggunakan kain cadar atau sarung bantal yang kotor.	a) RM20.00
9.	a) Melakukan apa-apa jenis perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman dan keharmonian kolej. b) Merosak atau menyalahgunakn alat pemadam api atau alat pencegahan kebakaran lain.	a) RM50.00 dan / atau a) RM100.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari asrama sepanjang pengajian

10.	Memiliki atau menggunakan alat elektrik selain daripada yang disediakan dan dibenarkan oleh pihak Kolej seperti cerek/alat pemanas air, peti ais, periuk nasi, televisyen, mesin jahit dan sebagainya.	a) Alat diserahkan kepada Pihak Bekuasa Tatatertib
11.	a) Meletakkan kenderaan di dalam bangunan atau ditempat yang tidak dibenarkan atau menghalang tempat lalulalang. b) Menggunakan kenderaan dengan tidak mengikut peraturan Akta Kenderaan Jalan Raya 1987.	a) RM50.00 b) RM50.00

Bahagian C

BIL	KESALAHAN	DENDAAN/TINDAKAN
1.	Berkhalwat termasuk berdua-duaan.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
2.	Bermain judi atau permainan yang ada unsur pertaruhan.	a) RM50.00 b) Dikeluarkan dari asrama sepanjang pengajian
3.	Menginap tanpa kebenaran (squatting) (selepas 12.00 malam)	a) RM20.00
4.	Melakukan amalan pemujaan di dalam bilik.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
5.	Tidak hadir ke perbicaraan tatatertib.	a) Digantung serta merta
6.	Membuli atau "ragging"	a) RM100.00 dan/atau dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
7.	Memberi maklumat palsu tentang diri sendiri atau gagal memberi maklumat yang diminta oleh Pegawai Kolej atau wakilnya	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
8.	Mencuri atau melakukan peras ugut	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
9.	Mencederakan orang lain tanpa sebab munasabah	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib

10.	Bergaduh atau bertumbuk atau menyertai kumpulan haram	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
11.	Gagal atau enggan memberi maklumat berkenaan dengan sesuatu perbuatan jenayah atau terlibat di dalam sebarang kegiatan jenayah	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
12.	Mengendap, atau mengintai atau berkelakuan mencurigai di kawasan jantina lain	a) RM50.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari kolej kediaman sepanjang pengajian



**AKU JANJI
PENERIMA PERATURAN AM PELAJAR
KOLEJ KETENGAH**

Kepada Ketua Eksekutif Kolej Ketengah:

1. Saya,

.....
.....

No. K/P: dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca dan memahami peraturan am Kolej Ketengah.

2. Dan saya juga berjanji untuk mematuhi semua peraturan am yang telah ditetapkan oleh Kolej Ketengah pada setiap masa.
3. Saya juga akan menjaga nama baik Kolej Ketengah.

Tandatangan Pelajar :

Tandatangan Saksi:

.....

.....

No. Matrik

:

Nama

:

.....

.....

Program

:

Jawatan

:

.....

.....

Tarikh

:

Tarikh

:

.....

.....

Cop Rasmi Kolej :

BUKU PANDUAN DAN PERATURAN ASRAMA KOLEJ KETENGAH



Kolej Ketengah Sdn. Bhd.

Jalan Sultan Sulaiman,
Bandar Al-Muktafi Billah Shah,
23400 Dungun Terengganu

Telefon : 09-8222 861

Hotline : 011-6254 8080

Faks : 09-8223817

Email : admin@kolejketengah.edu.my



Laman Web Rasmi
kolejketengah.edu.my